

**PENDEKATAN HAFAZAN HADIS DI UNIVERSITI ISLAM MADINAH:
KAJIAN TERHADAP PELAJAR SELAIN KULIAH HADIS**

***THE APPROACH OF MEMORIZING HADITH IN THE ISLAMIC
UNIVERSITY OF MEDINA : STUDY TOWARDS STUDENT OUTSIDE OF
FACULTY OF HADITH***

MUHAMMAD ARIF YAHYA

Corresponding Author

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia

Bangi, Selangor, Malaysia

E-mail : arifyahya@ukm.edu.my

MOHD KHAIRUL NAZRIN MOHD NASIR

Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail : u_zaid19@yahoo.com

AHMAD YUNUS MOHD NOOR

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia

Bangi, Selangor, Malaysia

E-mail : a_yunus@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini meninjau tradisi hafazan hadis melalui subjek yang diajar kepada pelajar selain dari kuliah hadis di Universiti Islam Antarabangsa Madinah, Arab Saudi. Kajian ini bertujuan mendedahkan kepentingan hafazan hadis diterapkan kepada seluruh penuntut pengajian Islam selain dari bidang hadis yang utama. Kajian ini berbentuk sorotan dan pengenalan mengenai subjek hafazan hadis tersebut dari sudut jumlah hadis yang dipelajari dan yang perlu dihafal serta kuliah-kuliah yang terlibat dalam hafalan hadis ini disamping pemarkahan hafalan hadis yang dinilai dalam ujian tutorial dan peperiksaan akhir semester. Selain itu, kajian ini juga melihat beberapa perbandingan secara umum berkaitan penekanan dan pengamalan sistem hafazan hadis ini khususnya di Universiti Awam (UA) Malaysia. Kajian ini menggunakan metode lapangan dalam memperolehi data melalui kaedah temubual serta kajian perpustakaan melalui bahan-bahan terbitan yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa hafazan hadis amat ditekankan kepada pelajar-pelajar Kuliah Dirasat Islamiyyah di Universiti Islam Antarabangsa Madinah sehingga dijadikan subjek wajib kepada pelajar selain daripada kuliah hadis. Kajian ini juga mendapati tradisi hafazan hadis ini amat perlu ditekankan kepada penuntut pengajian Islam secara umum sebagai persediaan menguasai dalil-dalil syarak dan tidak hanya terhenti kepada pelajar-pelajar di dalam bidang hadis atau al-Quran semata-mata.

Kata kunci : hafazan, hadis, Universiti Islam Madinah, Kuliah Hadis

ABSTRACT

The current article surveyed the tradition of memorizing hadith via subjects which are taught to the students apart from the course of hadith in the Islamic University of Madinah, Saudi Arabia. The objective of the study is to expose the importance of hadith memorization among students in Islamic Studies who are not majoring in hadith. The form of the study is an overview and introduction on the hadith memorization subject in terms of the quantity of the learned hadith, and the memorized hadith, as well as the courses involved in the hadith memorization, alongside the scoring of hadith memorization which are assessed in the tutorial tests and final semester examinations. Besides, this study also viewed a few general comparisons on the focus and application of the hadith memorization system specifically in Malaysian universities. The study used field study method in obtaining the data, specifically data was collected via interviews and library research of related literatures. The results of the study found that memorizing hadith is emphasized among the students in the course of Islamic Studies in the Islamic University of Madinah to the extent that it is made a compulsory subject for the students who are not majoring in hadith course. The study also found that the tradition of memorizing hadith is necessary to be emphasized among students of Islamic Studies generally as a preparation in mastering the Syara' (Islamic laws) postulates and not to be restricted only to students of Hadith and Al-Quran.

Keywords : *memorizing, hadith, Islamic University of Madinah, Faculty of Hadith*

Pendahuluan

Salah satu tradisi yang masih dikekalkan dalam sistem pengajian di fakulti-fakulti pengajian Islam di Universiti Islam Antarabangsa Madinah ialah tradisi hafalan hadis-hadis Nabi SAW. Tradisi penjagaan hadis-hadis Nabi SAW dengan cara menghafal dan mengingat merupakan salah satu sunah yang pernah diamalkan oleh para *salaf al-salih* terdahulu. Mereka bukan hanya mengkaji dan memahami isi kandungan hadis semata, bahkan dijaga dan menghafal hadis-hadis tersebut di dalam ingatan mereka. Perkara ini menunjukkan para *salaf al-salih* dahulu sangat menitikberatkan hadis khususnya bagi para penuntut pengajian Islam. Artikel ini menfokuskan secara khusus kajian kepada sistem hafazan hadis yang diterapkan di Universiti Islam Madinah bagi kuliah selain daripada kuliah hadis. Secara umumnya, kajian ini akan melihat beberapa aspek seperti kepentingan hafazan hadis bagi penuntut pengajian Islam, silibus hafazan hadis di Universiti Islam Madinah, sistem pemarkahan subjek hafazan hadis serta amalan hafazan hadis yang diaplikasikan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

Kepentingan Hafazan Hadis bagi Penuntut Pengajian Islam

Hadis adalah merupakan sumber rujukan kedua selepas al-Quran. Kedudukan hadis yang amat istimewa ini meletakkan kewajipan bagi umat Islam untuk terus memelihara dan menjaganya dengan pelbagai bentuk penjagaan. Salah satu kaedah penjagaan hadis yang diterapkan oleh para *salaf al-salih* adalah melalui hafazan hadis. Usaha untuk mengingat hadis-hadis Rasulullah SAW ini dilihat sebagai keutamaan bagi penuntut bidang pengajian Islam berbanding bidang

pengajian yang lain. Ini kerana dalil-dalil al-Quran dan hadis merupakan sumber rujukan utama yang perlu dikuasai oleh para pelajar dalam bidang pengajian Islam sebagai asas penguasaan dalam memahami ajaran dan syariat Islam dengan lebih berkesan. Jika dilihat kepada pengamalan para ulama terdahulu, keprihatinan mereka terhadap hafalan hadis-hadis jelas kelihatan secara meluas kepada seluruh penuntut ilmu dalam bidang pengajian Islam, sama ada dalam bidang syariah atau dalam bidang usuluddin.

Keteladanan dalam menjaga hadis melalui sistem hafalan ini telah ditunjukkan oleh para sahabat Nabi SAW setelah mereka menerimanya daripada baginda SAW. Majoriti para sahabat menerima dan menjaga hadis-hadis melalui sistem hafazan pada peringkat awal penurunan wahyu. Sebilangan kecil daripada para sahabat sahaja yang ditugaskan untuk menulis hadis daripada Nabi SAW, antaranya ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As RA. Antara hadis-hadis ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As RA mengenai penulisan hadis :

- i. Hadis yang diriwayatkan Abu Hurairah RA yang bermaksud:

ما من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم أحد أكثر حديثا عنه مني إلا ما كان من عبد الله بن عمرو فإنه كان يكتب ولا أكتب

Maksudnya : *Tidak ada seorang pun daripada sahabat Nabi SAW yang lebih banyak hadisnya daripada aku melainkan ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As RA, kerana beliau menulis (di samping menghafaz), tetapi aku tidak menulis.* Hadis riwayat al-Bukhari, di dalam Sahihnya, Kitab al-‘Ilm, Bab Kitabah al-‘Ilm, no hadis 113. Lihat Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, (Beirut : Dar Ibn Kathir : 2002), 41.

- ii. Hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As RA, Nabi SAW bersabda kepadanya :

أكتب فالذي نفسي بيده ما يخرج منه إلا حق

Maksudnya: *Tulislah, demi nyawaku di tangan-Nya (yakni demi Allah) tidaklah keluar daripadanya (sambil*

menunjukkan kepada mulutnya) kecuali yang haq. Hadis riwayat Abu Daud, di dalam Sunannya, Kitab al-‘Ilm, Bab fi Kitab al-‘Ilm, no hadis 3646. Lihat Sulayman bin al-Asy‘ath al-Sijistani, Sunan Abi Daud, (Beirut : Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah: 2009), 5:489.

Namun kebanyakan daripada para sahabat yang lain lebih digalakkan supaya menjaga hadis melalui hafalan di dalam ingatan. Perkara ini dapat difahami oleh ulamak berkaitan hadis larangan Rasulullah SAW untuk menulis hadis seperti yang diriwayatkan oleh Abu Sa‘id al-Khudri RA.

لا تكتبوا عني ومن كتب عني غير القرآن فليمحه

Maksudnya *Jangan kamu menulis mengenaiku (hadis-hadisku) dan barang siapa menulis mengenaiku maka hendaklah dia padamkan.* Hadis riwayat Muslim di dalam Sahihnya, Kitab al-Zuhd wa al-Raqa‘iq, Bab al-Tathabbut fi al-Hadis wa al-Hukm Kitabah al-‘Ilm, no hadis 3004. Lihat Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi, (Kaherah : Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah: t.t), 4 : 2298.

Salah satu huraian sarjana hadis terhadap maksud larangan Rasulullah SAW dalam menulis hadis ini khusus ditujukan kepada mereka yang kuat hafazan dan galakan Rasulullah SAW kepada para sahabat supaya menjaga hadis melalui hafazan. (Mohd: 2010). Ini menunjukkan tradisi hafazan hadis telah bermula sejak zaman para sahabat lagi. Begitu juga terdapat contoh dalam kehidupan para ulamak terdahulu dalam menuntut ilmu hadis dengan menjaganya melalui sistem hafazan di samping melalui penulisan. Oleh sebab itu, salah satu syarat utama dalam

penilaian ulamak terhadap para perawi hadis adalah “perawi yang *dabit*” iaitu setiap perawi disyaratkan untuk menjaga hadis sama ada dari sudut hafalan atau tulisan. (Mohd : 2010).

Merujuk kepada sejarah *salaf al-salih* terdahulu menunjukkan tradisi hafazan amat ditekankan terutama ketika berinteraksi dengan hadis-hadis Rasulullah SAW. Hadis-hadis dijaga sebagai salah satu usaha untuk mendalami dan menghayati sumber kedua perundangan Islam. Oleh yang demikian, sewajarnya sistem dan tradisi hafazan hadis ini dikekalkan dan dititikberatkan terutamanya bagi penuntut pengajian Islam di peringkat sekolah dan berterusan sehingga ke peringkat universiti. Ini melihat kepada kepentingan dan kedudukan hadis itu sendiri dalam Islam sebagai sumber asas yang perlu dikuasai oleh pelajar pengajian Islam ke arah melahirkan keseimbangan dalam membentuk penguasaan ilmu dan kefahaman dengan lebih baik.

Silibus Hafalan Hadis di Universiti Islam Madinah

Hadis yang perlu dihafal oleh para pelajar Universiti Islam Madinah, terbahagi kepada dua kelompok. Pertamanya pelajar-pelajar dari Kuliah Hadis dan keduanya pelajar-pelajar selain dari Kuliah Hadis. Kuliah-kuliah selain daripada Kuliah Hadis yang wujud di Universiti Islam Madinah

iaitu Kuliah Quran, Kuliah Syariah, Kuliah Usuluddin Dakwah dan Kuliah *Lughah Arabiyyah*. Kuliah-kuliah ini turut diberi pendedahan terhadap hafazan hadis-hadis sebagai salah satu subjek yang perlu diambil dan diajar oleh pensyarah dari kuliah hadis sendiri dan secara khususnya pensyarah dari jabatan *fiqh al-Sunah*. Kuliah hadis ini ditubuhkan pada tahun 1396H.

Sebelum wujudnya sistem semester pada tahun 1426-1427H, sistem pengajian dan hafazan hadis bagi Kuliah hadis secara khusus adalah melalui dua kitab, iaitu Kitab *Nayl al-Awtar* sebagai teks pengajian hadis dan kitab *al-Muharrar fi al-Hadis* (Ibn Abd al-Hadi : 2001) sebagai teks untuk hafazan hadis. Hafalan hadis-hadis dari kitab *al-Muharrar* juga dipilih dan tidak kesemua teks hadis diwajibkan hafazan dan sistem ini berjalan sebelum wujudnya sistem semester di Universiti Islam Madinah. Namun, setelah wujudnya sistem semester, pihak Universiti telah menjadikan kitab *al-Muharrar* sebagai teks utama pengajian dan hafalan hadis bagi pelajar-pelajar Kuliah Hadis. Adapun kitab *Nayl al-Awtar* tidak lagi dijadikan teks pengajian setelah sistem semester bermula (Mu’ayyad al-Hammad, Mei 2013. Temubual). Jumlah hadis yang terdapat dalam kitab *al-Muharrar* sebanyak 1324 hadis. Pembahagian hadis dari kitab *al-Muharrar* berdasarkan semester seperti berikut:

Jadual 1 : Rujukan Kitab *al-Muharrar* (Ibn Abd al-Hadi : 2001)

SEMESTER	TOPIK	BILANGAN
1	Kitāb al-Ṭahārah	151 hadis (1-151)
2	Kitāb al-Ṣalāh [Bāb Farḍ al-Ṣalāh – Bāb Umūr Mustahabbah wa Umūr Makrūhah]	148 hadis (152-299)
3	Kitāb al-Ṣalāh [Bāb Sujūd al-Sahw – Bāb Mā Yumna’ Lubsuh]	192 hadis (300-491)
4	Kitāb al-Ṣalāh [Bāb Ṣalat al-Kusūf] – Kitāb al-Ṣiyām	153 hadis (492-644)
5	Kitāb al-Ḥajj – Kitāb al-Jihād wa al-Siyar	180 hadis (665-844)
6	Kitāb al-Buyū’ – Kitāb al-‘Itq	157 hadis (845-1001)
7	Kitāb al-Nikāh - Kitāb al-Nafaqāt wa al-Ḥaḍānah	119 hadis (1002 – 1120)
8	Kitāb al-Jināyat – Kitāb al-Tibb (dikecualikan Kitāb al-Jāmi’)	118 hadis (1121-1324)
Jumlah Keseluruhan		1218 hadis

Para *masyayikh* (guru-guru) menggunakan kaedah yang berbeza-beza bagi memastikan pelajar menghafal sukatan hadis yang ditetapkan. Terdapat guru yang menjalankan sesi *tasmi'* (semakan hafalan) sebelum memulakan huraian hadis atau memilih hari-hari tertentu untuk menyemak hafalan pelajar. Selain itu, ada juga yang menjalankan ujian khusus terhadap hafalan pelajar secara lisan atau bertulis. Peruntukan markah bagi ujian ini adalah sebahagian daripada ujian pertengahan semester iaitu 40 markah. (Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir : 2015).

Apakah yang perlu dihafal?

Secara umumnya, semua *masyayikh* mewajibkan pelajar mereka menghafal *al-rāwi al-a'la* iaitu *ṣaḥābī* atau *tābi'i*, teks hadis dan *takhrīj* (sumber-sumber yang meriwayatkan hadis). Kebanyakan mereka tidak mewajibkan hafalan sanad atau komentar-komentar para ulama yang dinukilkan oleh penulis *al-muḥarrar*, iaitu al-Hāfiẓ Ibn 'Abd al-Hādī. Metode hafalan hadis bergantung kepada pelajar itu sendiri, sama ada menghafalnya secara berseorangan, kolektif atau muzakarah. Sehubungan dengan itu, hadis-hadis yang

telah dipelajari dan dihafal dalam semester sebelumnya tidak akan dimasukkan lagi dalam sukatan semester akan datang. Walaupun kaedah ini memudahkan para pelajar, namun ia tetap memberi kesan negatif jika hafalan-hafalan terdahulu diabaikan (Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir : 2015. Temubual). Manakala teks pengajian serta hafalan hadis bagi kuliah selain dari kuliah hadis adalah melalui silibus pengajian yang dipilih dari hadis-hadis *Kutub al-Sittah*. Penulis akan memperincikan silibus pengajian dan hafalan hadis bagi kuliah selain dari Kuliah Hadis dalam perbincangan selepas ini.

Jumlah Hadis yang Diwajibkan Hafalan

Jumlah hadis yang dijadikan silibus pengajian untuk setiap semester bagi pelajar-pelajar selain dari Kuliah Hadis adalah sebanyak 120 hadis. Manakala hadis yang ditetapkan untuk hafazan adalah sebanyak 25 hadis dari jumlah 120 hadis bagi setiap semester tersebut. (Mu'ayyad al-Hammad' 2013). Hadis-hadis ini dipelajari dalam lima semester sepanjang pengajian. Hadis-hadis ini dipilih dari *Kutub al-Sittah*. Untuk lebih jelas, sila lihat jadual berikut :

Jadual 2 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih 'Abd Allah al-Zubaidi : t.t).

No.	Kutub Al-Sittah	Semester	Jumlah Hadis yang Dipelajari	Jumlah Hadis yang Dihafaz
1	Sahih Bukhari	1	120	25
2	Sahih Muslim	2	120	25
3	Sunan Abu Daud	3	120	25
4	Sunan Tirmidhi	4	120	25
5	Sunan al-Nasa'i dan Ibn Majah	5	120	25
Jumlah			600	125

Sistem Pemarkahan Hafalan Hadis

Pemarkahan hafazan pelajar terhadap hadis-hadis dinilai dalam ujian tutorial dan peperiksaan akhir semester. Markah ujian tutorial sebanyak 40 markah dan

lima markah darinya adalah markah hafazan hadis. Manakala peperiksaan akhir semester, markah keseluruhan sebanyak 60 markah dan 10 markah darinya adalah merupakan markah hafazan hadis (Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir : 2015).

Fakulti dan Maahad yang Diwajibkan Hafalan Hadis

Terdapat lima fakulti selain daripada Fakulti Hadis yang diwajibkan untuk mengambil subjek hafazan hadis ini sebagai subjek teras Universiti. Lima fakulti tersebut iaitu Fakulti al-Quran, Fakulti Bahasa, Fakulti Usuluddin dan Dakwah, Fakulti Syariah dan Maahad Lughah. (Salih ‘Abd Allah al-Zubaidi :t.t). Hadis-hadis yang diterapkan kepada pelajar di lima fakulti ini adalah yang bersesuaian dengan pelajar dan merupakan silibus yang berlainan dengan silibus yang diberikan kepada pelajar hadis sendiri. Ini menunjukkan pihak Universiti mengambil pendekatan yang bersesuaian dalam menerapkan sistem hafazan hadis kepada pelajar yang bukan dalam bidang hadis secara khusus namun masih melihat kepentingan hafazan hadis ini untuk diterapkan kepada para pelajar dalam bidang ‘Ulum al-Syar‘iyyah juga.

Kandungan Hadis-Hadis yang Diwajibkan Hafalan dari Kutub al-Sittah

Berikut dinyatakan secara terperinci hadis-hadis yang dijadikan silibus hafazan kepada pelajar selain dari Kuliah Hadis di Universiti Islam Madinah. Penulis membahagikan hadis-hadis tersebut mengikut kategorinya di dalam kitab enam hadis yang utama (*kutub al-sittah*) berdasarkan tajuk kitab, tajuk bab dan nombor hadis sepertimana di dalam jadual berikut :

i. Hadis-Hadis Sahih *al-Bukhari* :

Hadis-hadis yang dipilih daripada Sahih Bukhari sebanyak 25 hadis diambil daripada 16 kitab di dalam Sahih Bukhari. Hadis-hadis yang dipilih banyak memfokuskan berkaitan tajuk ilmu, ibadah solat, wuduk, tayammum, tajuk persaudaraan, kelebihan al-Quran dan lain-lain. Pemilihan hadis di dalam 16 kitab ini adalah tidak selaras jumlah bilangannya dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. 25 hadis tersebut berdasarkan perincian kitab, bab dan nombor hadis adalah sepertimana berikut :

Jadual 3 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih ‘Abd Allah al-Zubaidi :t.t)

No.	Tajuk Kitab	Tajuk Bab	No. Hadis
1	Kitab <i>al-‘Ilm</i>	من قعد حيث ينتهي به المجلس ومن رأى فرجة في الحلقة فجلس فيها، من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين، كيف يقبض العلم؟،	66, 71, 100
2	Kitab <i>al-Wudu’</i>	فضل الوضوء والغر المحجلون من أثار الوضوء، صب الماء على البول في المسجد	136, 220
3	Kitab <i>al-Tayammum</i>	باب (.....)	335
4	Kitab <i>al-Solah</i>	هل تنبش قبور مشركي الجاهلية، ويتخذ مكانها مساجد؟	427
5	Kitab <i>Mawaqit al-Solah</i>	فضل الصلاة لوقتها، الصلوات الخمس كفارة	527, 528
6	Kitab <i>al-Azan</i>	فضل صلاة الجماعة	647
7	Kitab <i>al-Jumu ‘ah</i>	الدهن للجمعة	883

8	Kitab <i>al-Witr</i>	ما جاء في الوتر	990
9	Kitab <i>al-Tahajjud</i>	تخريص النبي صلى الله عليه وسلم على قيام الليل والنوافل من غير إيجاب، باب	1129, 1153
10	Kitab <i>Fada'il al-Madinah</i>	إثم من كاد أهل المدينة، باب	1877, 1888
11	Kitab <i>al-Mazalim wa al-Ghusb</i>	من كانت له مظلمة عند الرجل فحللها له، هل يبين مظلمته؟ إثم من خصم في باطل وهو يعلمه	2449, 2458
12	Kitab <i>al-Sulh</i> Kitab <i>al-Sulh</i>	ليس الكاذب الذي يصلح بين الناس، هل يشير الإمام بالصلح؟	2692, 2705
13	Kitab <i>Fada'il al-Quran</i>	كيف نزل الوحي؟ وأول ما نزل،، البكاء عند قراءة القرآن	4981, 5055
14	Kitab <i>al-Tamanni</i>	تمني القرآن والعلم	7232
15	Kitab <i>Akhbar al-Ahad</i>	ما جاء في إجازة خبر الواحد الصدوق في الأذان والصلوة والصوم والفرائض والأحكام	7256
16	Kitab <i>al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah</i>	الإقتداء بسنن رسول الله	7280

ii. Hadis-Hadis Sahih al-Muslim

Jumlah hadis yang dipilih daripada Sahih Muslim juga sebanyak 25 hadis dan diambil dari enam kitab dalam Sahih Muslim. Hadis-hadis yang dipilih dari Sahih Muslim banyak memfokuskan tajuk keimanan,

zakat, kepimpinan dan kelebihan sahabat. Pemilihan hadis dalam enam kitab-kitab tersebut tidak selaras jumlah bilangannya dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. Perincian 25 hadis tersebut seperti berikut :

Jadual 4 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih 'Abd Allah al-Zubaidi :t.t)

No.	Tajuk Kitab	Tajuk-Tajuk Bab	No Hadis
1	Kitab <i>al-Iman</i>	باب الدعاء الى الشهادتين وشرائع الإسلام، بالدليل على أن من مات على التوحيد دخل الجنة قطعاً، باب الدليل على أن من رضي بالله ربا وبالإسلام ديناً وبمحمد صلى الله عليه وسلم نبياً ورسولاً فهو مؤمن وإن ارتكب المعاصي الكبائر، باب تفاضل الإسلام وأي أمره أفضل، باب خصال من اتصف بهن وجد حلاوة الإيمان، باب بيان أن الدين النصيحة، بيان خصال المنافق، باب بيان حال إيمان من قال لأخيه المسلم : يا كافر، باب بيان	19, 28, 34, 40, 43, 55, 57, 60, 64, 79, 84, 86, 89

	قول النبي صلى الله عليه وسلم سباب المسلم فسوق وقتاله كفر، باب بيان نقصان الإيمان بنقص الطاعات وبيان إطلاق لفظ الكفر على غير الكفر بالله ككفر النعمة والحقوق، باب بيان كون الإيمان بالله تعالى أفضل الأعمال، باب بيان أن الشرك أقبح الذنوب وأعظمها بعده، باب بيان الكبائر وأكبرها.		
2	Kitab <i>al-Zakah</i>	باب بيان أن اسم الصدقة يقع على كل نوع من المعروف، في المنفق والممسك، قبول الصدقة من الكسب الطيب وتربيتها، فضل إخفاء الصدقة، بيان أن اليد العليا خير من اليد السفلى وأن اليد العليا هي المنفقة وأن السفلى هي الآخذة، كراهة المسألة للناس.	1008, 1010, 1015, 1031, 1035, 1041
3	Kitab <i>al-Imarah</i>	باب بيان فضيلة الإمام العادل وعقوبة الجائر والحث على الرفق بالرعية والنهي عن إدخال المشقة عليهم، باب وجوب ملازمة جماعة المسلمين عند ظهور الفتن وفي كل حال وتحريم الخروج على الطاعة ومفارقة الجماعة.	1829, 1847
4	Kitab <i>al-Fada'il</i>	باب في معجزات النبي صلى الله عليه وسلم، باب شفقتة صلى الله عليه وسلم على أمته ومبالغته في تحذيرهم مما يضرهم، باب مبادئه للآثام واختياره من المباح أسهله وانتقامه لله عند انتهاك حرمانه.	2279, 2284, 2327
5	Kitab <i>Fada'il al-Sahabah Radiya Allah Ta'ala 'Anhum</i>	باب من فضائل أبي بكر الصديق رضي الله عنه،	2384

iii. Hadis-Hadis Sunan Abi Daud

Jumlah hadis yang dipilih daripada Sunan Abi Daud juga sebanyak 25 hadis dan diambil daripada empat kitab di dalam Sunan Abi Daud. Hadis-hadis yang dipilih daripada Sunan Abi Daud banyak memfokuskan tajuk puasa, Imam al-Mahdi kitab al-Sunnah dan kitab al-Adab.

Pemilihan hadis dalam empat kitab-kitab tersebut adalah tidak selaras jumlah bilangannya dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. Perincian 25 hadis tersebut seperti berikut:

Jadual 5 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih ‘Abd Allah al-Zubaidi :t.t)

No.	Tajuk Kitab	Tajuk-Tajuk Bab	No. Hadis
1	Kitab <i>al-Sawm</i>	باب مبدأ فرض الصيام، باب من قال فإن غم عليكم فصوموا ثلاثين، باب في توكيد السحور، باب في صوم ستة أيام من شوال، باب كيف كان يصوم النبي صلى الله عليه وسلم، باب النية في الصيام، باب الإعتكاف .	2313, 2327, 2343, 2433, 2434, 2454, 2462
2	Kitab <i>al-Mahdi</i>	باب (.....)	4279
3	Kitab <i>al-Sunnah</i>	باب شرح السنة، باب مجانية أهل الأهواء وبغضهم، باب في لزوم السنة، باب في الرد على الجهمية، باب في الشفاعة، باب في قتل الخوارج .	4597, 4599, 4607, 4733, 4739, 4758
4	Kitab <i>al-Adab</i>	باب في اللحم وأخلاق النبي صلى الله عليه وسلم، باب من كظم غيظا، باب في حسن الخلق، باب في الرفق، باب من يؤمر أن يجالس، باب في كراهية المرء، باب النهي عن السمر بعد العشاء، باب في الغيبة، باب في إصلاح ذات البين، باب من يأخذ الشيء على المزاح، باب ما جاء في الرؤيا .	4774, 4777, 4800, 4807, 4829, 4835, 4849, 4882, 4919, 5004, 5019

iv. Hadis-Hadis Sunan al-Tirmidhi

Jumlah hadis yang dipilih daripada Sunan al-Tirmidhi sebanyak 25 hadis dan diambil dari empat kitab dalam Sunan al-Tirmidhi. Hadis-hadis yang dipilih daripada Sunan al-Tirmidhi banyak memfokuskan tajuk amalan haji Rasulullah SAW, makan dan minum serta amalan silaturahmi. Pemilihan

hadis dalam empat kitab-kitab tersebut tidak selaras dengan jumlah bilangan dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. Perincian 25 hadis tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih ‘Abd Allah al-Zubaidi :t.t).

No.	Tajuk Kitab	Tajuk-Tajuk Bab	No. Hadis
1	Kitab <i>al-Hajj ‘an Rasulillah SAW</i>	باب ما جاء في حرمة مكة، باب ما جاء في ثواب الحج والعمرة، باب ما جاء فيما لا يجوز للمحرم لبسه، باب ما جاء فيمن أدرك الإمام بجمع فقد أدرك الحج، باب ما ذكر في فضل العمرة، باب ما جاء في يوم الحج الأكبر.	809, 810, 833, 889, 933, 957

2	Kitab <i>al-A'imah 'an Rasulillah SAW</i>	باب ما جاء في الأكل في آنية الكفار، باب ما جاء في النهي عن الأكل والشرب بالشمال، باب ما جاء في لعق الأصابع بعد الأكل، باب ما جاء في اللقمة تسقط، باب ما جاء في كراهية الأكل من وسط الطعام، باب ما جاء في تخمير الإناء وإطفاء السراج والنار عند المنام، باب ما جاء في أكل لحوم الجلالة وألبانها، باب ما جاء في فضل إطعام الطعام.	1797, 1799, 1801, 1803, 1805, 1812, 1825, 1855
3	Kitab <i>al-Asyribah 'an Rasulillah SAW</i>	باب ما جاء في شارب الخمر، باب ما جاء في كراهية الشرب في آنية الذهب والفضة، باب ما جاء في الأيمنين أحق بالشراب.	1861, 1878, 1893
4	Kitab <i>al-Bir wa al-Sillah 'an Rasul Allah SAW</i>	باب ما جاء في عقوق الوالدين، باب ما جاء في صلة الرحم، باب ما جاء في شفقة المسلم على المسلم، باب ما جاء في السترة على المسلم، باب ما جاء في الغيبة، باب ما جاء في النفقة في الأهل، باب ما جاء في الصدق والكذب، باب ما جاء في اللعنة.	1901, 1908, 1927, 1930, 1934, 1966, 1971, 1977

v. Sunan al-Nasa'i

Jumlah hadis yang dipilih dari Sunan al-Nasa'i juga sebanyak 25 hadis dan diambil dari enam kitab dalam Sunan al-Nasa'i. Hadis-hadis yang dipilih daripada Sunan al-Nasa'i banyak memfokuskan tajuk masjid, sumpah dan nazar, pergaulan dengan isteri dan lain-lain. Pemilihan hadis

di dalam enam kitab-kitab tersebut adalah tidak selaras jumlah bilangan dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. Perincian 25 hadis tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Rujukan kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih 'Abd Allah al-Zubaidi :t.t)

No.	Tajuk Kitab	Tajuk-Tajuk Bab	No. Hadis
1	Kitab <i>al-Masajid</i>	باب فضل الصلاة في المسجد الحرام، باب تشد الرجال إليه من المساجد.	691, 700
2	Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhur</i>	باب التشديد في الحلف بغير الله تعالى، باب الوفاء بالنذر.	3764, 3809
3	Kitab <i>'Isyrah al-Nisa'</i>	باب حب النساء.	3939

4	<i>Kitab Tahrim al-Dam</i>	باب تعظيم الدم، باب ذكر الكبائر، باب قتل من فارق الجماعة، باب من شهر سيفه ثم وضعه في الناس، باب التغليظ فيمن قاتل تحت راية عمية.	3966, 3991, 4009, 4020, 4102, 4114
5	<i>Kitab Adab al-Qudah</i>	باب ترك استعمال من يحرص على القضاء، باب النهي عن استعمال النساء في الحكم.	5382, 5388
6	<i>Kitab al-Isti'adhah</i>	باب الإستعاذة من شر فتنة القبر، باب الإستعاذة من شر ما صنع.	5466, 5522

vi. Sunan Ibn Majah

Jumlah hadis yang dipilih dari Sunan Ibn Majah juga sebanyak 25 hadis dan diambil dari empat kitab dalam Sunan Ibn Majah. Hadis-hadis yang dipilih daripada Sunan Ibn Majah banyak memfokuskan tajuk pakaian, doa, fitnah dan zuhud. Pemilihan hadis dalam empat kitab-kitab tersebut tidak selaras jumlah bilangan dan dipilih berdasarkan kepentingan kandungan sesuatu hadis yang ingin ditekankan. Perincian 25 hadis tersebut seperti berikut:

Jadual 8 : Rujukan Kitab *al-Mahfuz al-Mukhtar* (Salih 'Abd Allah al-Zubaidi :t.t)

No.	Tajuk Kitab	Tajuk-Tajuk Bab	No. Hadis
1	<i>Kitab al-Libas</i>	باب من جر ثوبه من الخيلاء، باب لبس الحرير والذهب للنساء، باب النهي عن القرع.	3569, 3595, 3637
2	<i>Kitab al-Du'a</i>	باب اسم الله الأعظم، باب ما يدعو به الرجل إذا سافر.	3857, 3888
3	<i>Kitab al-Fitan</i>	باب العزلة، باب الوقوف عند الشبهات، باب الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر، باب فتنة الدجال وخروج عيسى ابن مريم وخروج يأجوج ومأجوج.	3979, 3984, 4005, 4078
4	<i>Kitab al-Zuhd</i>	باب الرياء والسمعة.	4202

Hadis-hadis yang dipilih dari enam kitab hadis utama ini berdasarkan kandungan yang ingin ditekankan oleh pihak Universiti kepada pelajar selain bidang hadis. Hadis-hadis tersebut mengandungi pelbagai perbincangan berdasarkan tajuk-tajuk hadis seperti yang tertera dalam jadual di atas. Sebanyak 25 hadis dipilih dari setiap enam kitab hadis utama untuk dijadikan sebagai

hadis wajib yang perlu dihafal oleh pelajar. Namun, kaedah pemilihan hadis dalam setiap tajuk dari enam kitab hadis ini adalah secara rawak berdasarkan kepentingan sesuatu isu yang terkandung dalam hadis yang tersebut.

Silibus Hafalan Hadis di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Secara umumnya, hafalan hadis sebagai salah satu subjek khusus di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia ini boleh dianggap masih belum wujud dengan maksudnya yang sebenar. Silibus hafalan hadis dengan jumlah hadis yang perlu dihafal oleh para pelajar di setiap semester serta praktikal *tasmi'* secara *syafawi* dengan mendengar hafalan tersebut didapati masih belum dijalankan setakat maklumat yang diperolehi. Kajian menunjukkan hafalan hadis banyak didedahkan melalui sistem pengajian pondok berbanding pengajian hadis di peringkat IPTA dan IPTS. Kajian yang telah dijalankan oleh Fauzi Deraman et. al. (2010) mendapati antara pondok yang mendedahkan para pelajar kepada sistem hafalan hadis ini iaitu Pondok Pengajian Kandis, Bachok Kelantan dan Darul Ulum li Ihya' 'Ulum al-Din, Langgar, Kedah. Perkara ini berlaku berkemungkinan disebabkan kaedah pembelajaran di peringkat universiti dilihat lebih singkat dari berbanding sistem di pondok dan madrasah. Hafalan hadis memerlukan tempoh masa yang lebih kerana ia melibatkan hafalan dan peruntukan waktu yang khusus agar pelajar dapat mengingatnya dengan lebih baik. Pembelajaran hadis yang dijalankan di peringkat IPTA dan IPTS lebih menekankan pembelajaran ilmu *riwayah* dan *dirayah* hadis.¹ Manakala penekanan terhadap hafalan hadis hanya diaplikasikan secara tidak langsung melalui matan-matan

hadis yang perlu dikuasai oleh para pelajar seperti subjek hadis *Maudhu'i* atau hadis-hadis hukum sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan.

Hasil kajian terhadap perjalanan pengajian hadis di Darul Quran juga tidak banyak berbeza dengan institusi pengajian yang lain. Walaupun pelajar di Darul Quran ini telah dilatih dengan hafalan al-Quran, namun mereka tidak didedahkan dengan pembelajaran dan hafalan hadis-hadis Rasulullah SAW. Salah satu pengkhususan yang ditawarkan kepada pelajar Darul Quran setelah memasuki semester ketiga pengajian ialah *Syu'bah* hadis. Beberapa *syu'bah* yang lain ditawarkan kepada para pelajar disini iaitu *Syu'bah Qiraat*, *Syu'bah Dakwah*, *Syu'bah Syariah* dan *Syu'bah Muamalat*. Berdasarkan kajian terhadap sistem pembelajaran *Syu'bah Hadis* di Darul Quran menunjukkan tiada subjek khusus yang diperuntukkan berkaitan hafalan hadis iaitu sistem hafalan yang jelas dan jumlah hadis yang perlu dihafal oleh para pelajar. Menurut Marzuki Abdul Rahim, perkara ini tidak didedahkan kepada elajar walaupun dikalangan *Syu'bah Hadis* sendiri. (Marzuki Abdul Rahim, Mei 2015. Temubual).

Musabaqah Hafazan Hadis Peringkat Antarabangsa : Penyertaan Pelajar Malaysia

Badan Kebajikan Malik Sultan bin Abdul Aziz Alu Saud melalui Kedutaan Arab Saudi di Indonesia telah bekerjasama dengan kerajaan Indonesia bagi menganjurkan musabaqah *The Annual Prince Sultan bin Abdul Aziz Alu Saud Competition of Memorization of The Holy Quran and The Sunnah* bagi negara-negara Asean, Asia Pasifik dan beberapa negara Asia Tengah. Musabaqah tahunan ini telah dijalankan sejak tahun 2006. Terdapat satu kategori khusus bagi hafalan hadis di samping empat kategori bagi hafalan al-Quran.

Pihak penganjur telah menyusun sebuah buku khusus yang memuat 500 hadis sebagai sukatan musabaqah. Peserta musabaqah kategori hadis dikehendaki

¹ Ilmu *Riwayah* dan *Dirayah* ialah dua pembahagian ilmu di dalam pembahasan *Ulum al-Hadith*. Ilmu *Riwayah* ialah ilmu yang mengandungi kaedah yang dapat mengetahui dengannya hal keadaan *rawi* (orang yang menyampaikan hadis) dan *marwi* (orang yang disampaikan hadis). Manakala Ilmu *Dirayah* ialah ilmu yang membahaskan berkaitan makna yang dapat difahami lafaz-lafaz hadis serta makna yang ingin disampaikan daripadanya berlandaskan kaedah bahasa arab yang betul selain menepati disiplin yang ditetapkan di dalam syariat. Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ulum al-Hadith : Asiluha wa Mu'asiruha*, cet. 4, (Bangi : Dar al-Syagir: 2005), 7-9.

menghafal 100 hadis berserta sanad dan 400 hadis tanpa sanad. Hadis-hadis yang dipilih menyentuh segala aspek agama seperti akidah, ibadah, hukum-hakam, adab-adab, doa dan zikir dan sebagainya. Kebanyakan hadis-hadis tersebut dipetik daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*, *al-Sunan al-Arba'ah* dan *Musnad al-Imām Aḥmad*. Kerajaan Malaysia telah dijemput untuk menghantar peserta bagi musabaqah ini dan hanya mula menghantar peserta bagi musabaqah hadis sejak tahun 2014.

Sejak kategori ini diperkenalkan dalam musabaqah ini, Indonesia merupakan pemenang kategori ini. Melalui temu ramah bersama peserta Indonesia dan pihak urus setia, penulis dimaklumkan kebanyakan peserta sudah mula menghafal hadis ketika berumur belasan tahun. Selain itu, bagi tujuan menghafal hadis-hadis itu, tempoh yang diperlukan sekitar setahun hingga tiga tahun. Sebilangan pesantren di Indonesia pula telah menjadikan buku ini sebagai sukatan dalam pelajaran hadis (Mohd Khairul Nazrin M. N., 2015, Temubual). Melalui musabaqah ini, ia menunjukkan tahap penguasaan peserta dari Malaysia berbanding Indonesia dalam hafalan hadis dari sudut penekanan yang berbeza antara dua negara tersebut.

Kesimpulan

Pendekatan hafalan hadis-hadis Nabi SAW sebagai subjek wajib bagi kuliah-kuliah selain dari Kuliah Hadis di Universiti Islam Madinah menunjukkan keprihatinan para ulamak di sini terhadap hadis yang perlu dihafal dan diingati oleh para penuntut ilmu pengajian Islam. Subjek wajib hafalan hadis yang telah dilaksanakan bukan sahaja perlu diingati oleh penuntut ilmu dari kuliah hadis sahaja, bahkan didedahkan kepada seluruh penuntut ilmu dalam bidang pengajian Islam, sama ada dalam bidang Syariah atau dalam bidang Usuluddin. Kedudukan hadis yang sangat tinggi di sisi Islam dan penuntut ilmu agama telah membentuk satu disiplin dalam menjaga dan menghafalnya seperti yang telah ditunjukkan di dalam disiplin pengajian para *salaf al-salih* dahulu. Mengambil contoh dan usaha yang ditunjukkan oleh pihak Universiti Islam Madinah dalam mewujudkan subjek wajib bagi hafalan hadis-hadis Nabi SAW dapat dijadikan sebagai model dalam pelaksanaan silibus hafalan hadis untuk selain Kuliah Hadis dengan lebih baik khususnya di IPTA dan IPTS di Malaysia.

RUJUKAN

- Fauzi D., Ishak, S., Faisal A. S. 2010. *Pengajian Hadis di Malaysia : Tokoh, Karya, Institusi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ibn Abd al-Hadi, M. A. J. 2001. *al-Muharrar*, Dar al-Ata', al-Riyadh.
- Mohd Muhiden A. R. 2010. *Ulum al-Hadis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, b. I. B. 2002. *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dar Ibn Kathir.
- Muslim, b. H. N., t.t. *Saḥīḥ al-Muslim*, Kaherah : Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Soleh, A. Z. t.t. *al-Mahfuz al-Mukhtar min Kutub Aimmah al-Abrar*, Silibus Hafazan Hadis, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi.
- Sulayman. A. S., (2009), *Sunan Abi Daud*, Beirut : Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Muhammad I. S. T., (t.t), *Sunan al-Tirmidhi*, ttp:Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Ahmad, S. A. N., (t.t), *Sunan al-Nasa'i*, Halab : Maktabah al-Matbu 'at al-Islamiyyah.
- Muhammad Y. M. Q. 2009. *Sunan Ibn Majah*, Beirut : Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Muhammad Abu al-Layth K. A. 2005. *Ulum al-Hadis : Asiluha wa Mu'asiruha*, cet. 4, (Bangi : Dar al-Syakir.